

FREQUENTLY ASK QUESTIONS

PROGRAM KHAS JPA MARA-TAHUN 2021

1. Apakah itu Program Khas JPA-MARA 2021?

Program Khas JPA-MARA (PKJM) Tahun 2021 merupakan penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada pelajar Bumiputera cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020 untuk mengikuti pengajian peringkat persediaan dan Ijazah Pertama di dalam dan luar negara iaitu di negara Jepun, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat dalam bidang Kejuruteraan, Sains & Teknologi (S&T) dan Sains Sosial. Program ini terdiri daripada empat sub program seperti berikut:

- (i) Program Akademik Jepun;
- (ii) Program Berkembar New Zealand;
- (iii) Program Akademik United Kingdom; dan
- (iv) Program Akademik Amerika Syarikat.

2. Apakah syarat-syarat permohonan Program Khas JPA-MARA 2021?

2.1 Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut :

2.1.1 Syarat Umum

- (i) Pemohon DAN salah seorang ibu ATAU bapa berketurunan Melayu / Bumiputera dan warganegara Malaysia.
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik.
- (iii) Menduduki peperiksaan SPM buat pertama kali pada tahun 2020.
- (iv) Umur belum mencapai 19 tahun (20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.

- (v) Ibu dan / atau bapa dan / atau ahli keluarga tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang JPA.
- (vi) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk pengajian atau peringkat yang sama.

2.1.2 Syarat Khusus

PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
<p>Program: Akademik Jepun</p> <p>Bidang: Kejuruteraan</p> <p>Negara Pengajian: Jepun</p> <p>Kolej Persediaan: Ambang Asuhan Jepun (AAJ)</p> <p>Kod Program: PKJM 001</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.
<p>Program: Akademik Jepun</p> <p>Bidang: Sains dan Teknologi</p> <p>Negara Pengajian: Jepun</p> <p>Kolej Persediaan: Ambang Asuhan Jepun (AAJ)</p> <p>Kod Program: PKJM 002</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.

PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
<p>Program: Akademik Jepun</p> <p>Bidang: Sains Sosial</p> <p>Negara Pengajian: Jepun</p> <p>Kolej Persediaan: Pusat Bahasa Teikyo (PBT)</p> <p>Kod Program: PKJM 003</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral; d) Dua (2) mata pelajaran lain. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.
<p>Program: Berkembar New Zealand</p> <p>Bidang: Perakaunan / Ekonomi / Kewangan / Sains Aktuari</p> <p>Negara Pengajian: Malaysia dan New Zealand</p> <p>Kolej Persediaan: Kolej Yayasan Saad Business School (KYSBS)</p> <p>Kod Program: PKJM 004</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral; d) Dua (2) mata pelajaran lain. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.

PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
<p>Program: Akademik United Kingdom</p> <p>Bidang: Kejuruteraan</p> <p>Negara Pengajian: United Kingdom</p> <p>Kolej Persediaan: Malay College Kuala Kangsar (lelaki sahaja) ATAU Kolej Tunku Kurshiah (perempuan sahaja)</p> <p>Kod Program: PKJM 005</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.
<p>Program: Akademik United Kingdom</p> <p>Bidang: Sains Sosial</p> <p>Negara Pengajian: United Kingdom</p> <p>Kolej Persediaan: Kolej MARA Banting</p> <p>Kod Program: PKJM 006</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral; e) Satu (1) mata pelajaran lain. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.

PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
<p>Program: Akademik Amerika Syarikat</p> <p>Bidang: Sains Komputer (terhad kepada AI, <i>Robotic</i>, <i>Big Data</i>, <i>IoT</i>)</p> <p>Negara Pengajian: Amerika Syarikat</p> <p>Kolej Persediaan: INTEC Education College</p> <p>Kod Program: PKJM 007</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.
<p>Program: Akademik Amerika Syarikat</p> <p>Bidang: Ekonomi</p> <p>Negara Pengajian: Amerika Syarikat</p> <p>Kolej Persediaan: INTEC Education College</p> <p>Kod Program: PKJM 008</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral; d) Dua (2) mata pelajaran lain. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.

3. Bagaimana saya boleh memohon penajaan JPA di bawah Program Khas JPA-MARA Tahun 2021?

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di laman web MARA mulai **10 Jun 2021 hingga 23 Jun 2021**. Pemohon hendaklah membaca dan memahami kesemua panduan dan syarat-syarat yang ada disediakan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan.

4. Apakah itu *Student Assessment Centre (SAC)*?

Student Assessment Centre (SAC) merupakan kaedah pemilihan pelajar bagi menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA. Penilaian SAC ini adalah untuk melihat keadaan fizikal, penampilan, kesesuaian, kerjasama, ketahanan, kematangan, daya kreativiti, komunikasi, kepimpinan dan minat calon dalam bidang pengajian dan Perkhidmatan Awam.

5. Bilakah program SAC akan dijalankan?

SAC dijadualkan pada **5 Julai 2021 hingga 9 Julai 2021** secara dalam talian.

6. Bilakah saya boleh mengetahui sama ada saya dipanggil untuk ke program SAC?

Calon boleh membuat semakan panggilan ke program SAC mulai **1 Julai 2021** secara dalam talian di **laman web MARA**.

7. Apakah dokumen yang perlu saya bawa semasa menghadiri program SAC?

Calon akan dimaklumkan melalui surat panggilan ke SAC.

- 8. Bagaimanakah JPA akan membuat pemakluman berhubung urusan permohonan, panggilan SAC, keputusan dan penawaran Program Khas JPA-MARA Tahun 2021?**

Semua urusan berhubung Program Khas JPA-MARA iaitu permohonan, panggilan SAC, keputusan dan cetakan surat tawaran serta dokumen-dokumen yang berkaitan akan dibuat secara dalam talian di laman web MARA iaitu <http://www.mara.gov.my/>

Surat-surat/slip pengesahan yang berkenaan hendaklah dimuat turun dan dicetak sendiri oleh calon.

Calon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di laman web MARA dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini berhubung Program Khas JPA-MARA Tahun 2021.

- 9. Saya menduduki peperiksaan SPM 2019. Bolehkah saya memohon Program Khas JPA MARA Tahun 2021?**

Tidak. Program Khas JPA MARA Tahun 2021 hanya dibuka kepada pelajar lepasan **SPM tahun 2020 sahaja.**

- 10. Bolehkah calon memilih bidang pengajian?**

Boleh. Calon-calon hanya dibenarkan memilih **satu (1) bidang yang ditawarkan sahaja** bergantung kepada minat dan kecenderungan calon.

- 11. Adakah calon dibenarkan untuk mengikuti program persediaan secara persendirian di pusat persediaan yang berasingan?**

Tidak. Calon-calon yang berjaya ditawarkan di bawah Program Khas JPA-MARA Tahun 2021 perlu mengikuti program persediaan di **kolej persediaan yang telah ditetapkan oleh JPA** sahaja.

- 12. Sekiranya saya menolak tawaran penajaan di bawah Program JPA-MARA Tahun 2021 adakah saya layak dipertimbangkan sebarang penajaan lain di JPA?**

Ya. Pelajar boleh memohon apa-apa program penajaan lain yang ditawarkan oleh JPA **sekiranya berminat dan melepas syarat-syarat permohonan penajaan.**

- 13. Berapakah Elaun Sara Hidup yang akan saya terima semasa di peringkat persediaan?**

Elaun Sara Hidup yang akan diterima adalah sebanyak **RM430.00 sebulan** bagi pusat persediaan yang tidak menyediakan makan dan minum atau **RM100.00 sebulan** bagi pusat persediaan yang menyediakan makan dan minum.

- 14. Adakah program SAC dilaksanakan di luar negara bagi calon-calon yang mengikuti program pertukaran pelajar?**

Tidak. Program SAC hanya dilaksanakan di **dalam negara sahaja.**

- 15. Sekiranya saya tidak dipanggil ke program SAC, adakah saya boleh membuat rayuan?**

Tidak. Hanya **calon yang melepas syarat sahaja** akan dipanggil ke program SAC.

- 16. Setelah saya mendapat tawaran penajaan JPA, bolehkah saya memohon pinjaman tambahan daripada penaja lain seperti PTPTN?**

Tidak. Pelajar hanya dibenarkan untuk **menerima satu tajaan sahaja**.

- 17. Tarikh Tutup Permohonan**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **23 Jun 2021 (Rabu) jam 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

- 18. Keputusan Permohonan**

Keputusan permohonan penajaan Program Khas JPA-MARA ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang <http://www.mara.gov.my> pada **30 Julai 2021 (Jumaat) jam 5.00 petang**.

*Dikemaskini pada 9 Jun 2021